

**AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH
PERSEKUTUAN 1982
(AKTA 267)**

**KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) CAJ PEMBANGUNAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2013**

**P.U.(A)88/1979 (DIBATALKAN)
P.U.(A) 246/2013**

SENARAI PINDAAN :

BIL.	NO. P.U.(A) NO. P.U.(B)	TARIKH DIWARTAKAN	CATITAN
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			

P.U. (A) 246.

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (CAJ PEMBANGUNAN) WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2013

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

Kaedah

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Caj pembangunan
3. Maklumat tambahan untuk menentukan caj pembangunan
4. Perintah menuntut pembayaran caj pembangunan
5. Perintah ubahan caj pembangunan
6. Kadar bunga atas ansuran caj pembangunan
7. Pengecualian
8. Pembatalan dan kecualian

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982

KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (CAJ PEMBANGUNAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 40(4) dan seksyen 64 Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [*Akta 267*], Datuk Bandar dengan kelulusan Menteri, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2013.

Caj pembangunan

2. Kadar caj pembangunan yang boleh dilevi di bawah seksyen 40 Akta hendaklah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Jadual Pertama.

Maklumat tambahan untuk menentukan caj pembangunan

3. Datuk Bandar boleh, sebelum menentukan amaun caj pembangunan, menghendaki pemohon mengemukakan apa-apa maklumat tambahan yang difikirkannya perlu.

Perintah menuntut pembayaran caj pembangunan

4. Perintah di bawah seksyen 41 Akta yang menuntut pembayaran caj pembangunan hendaklah—

(a) dalam Borang A Jadual Kedua untuk pembangunan yang mengakibatkan kenaikan nilai tanah; dan

(b) dalam Borang B Jadual Kedua untuk pembangunan yang tidak menyediakan bilangan petak letak kereta yang dikehendaki.

Perintah ubahan caj pembangunan

5. Perintah di bawah subseksyen 41(3) Akta yang menentukan caj pembangunan baharu hendaklah dalam Borang C1 atau C2 Jadual Kedua, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kadar bunga atas ansuran caj pembangunan

6. (1) Datuk Bandar boleh, jika difikirkannya patut, membenarkan caj pembangunan dibayar secara ansuran, tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(2) Jika caj pembangunan dibenarkan untuk dibayar secara ansuran, bunga pada kadar lapan peratus setahun atas caj pembangunan itu hendaklah kena dibayar.

Pengecualian

7. (1) Datuk Bandar boleh, selepas mempertimbangkan sesuatu permohonan untuk pengecualian caj pembangunan, mengecualikan mana-mana pembangunan daripada tanggungan membayar kesemua atau mana-mana bahagian daripada apa-apa caj pembangunan yang kena dibayar di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Pengecualian di bawah subkaedah (1) hendaklah dibuat dalam Borang D Jadual Kedua.

Pembatalan dan kecuialian

8. (1) Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Caj Pembangunan) Bandaraya Kuala Lumpur 1979 [P.U. (A) 88/1980] dan pemberitahuan mengenai Kadar Bunga atas Ansuran Caj Pembangunan [P.U. (B) 455/1993] dibatalkan.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), apa-apa caj pembangunan dan faedah yang kena dibayar di bawah Kaedah-Kaedah dan pemberitahuan yang telah dibatalkan hendaklah terus kena dibayar seolah-olah caj pembangunan dan bunga itu telah dikenakan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

JADUAL PERTAMA

[Kaedah 2]

CAJ PEMBANGUNAN

(1) Jenis pembangunan	(2) Caj pembangunan
1. Pembangunan yang mengakibatkan kenaikan nilai tanah disebabkan pertukaran kegunaan tanah, perubahan kepadatan atau nisbah plot mana-mana tanah dari—	30 peratus daripada amaun kenaikan nilai tanah
(a) Pelan Pembangunan Lengkap	
(b) Pelan-Pelan diwartakan—	
(i) No. 4023, 4001, 4001-1 (Kepong Baru)	
(ii) No. 4002, 4002-1 (Taman Kepong)	
(iii) No. 4003, 4003-1 (Taman Ibu Kota)	
(iv) No. 4004, 4004-1 (Taman Setapak)	

(1)	(2)
Jenis pembangunan	Caj pembangunan
(v) No. 4005 (Taman Sri Segambut)	
(vi) No. 4006 (Taman City & Perumahan PKNS)	
(vii) No. 4007 (Taman Kok Doh)	
(viii) No. 4008, 4008-1, 4008-2 (Taman Overseas Union)	
(ix) No. 4009 (Taman Mutiara)	
(x) No. 4010 (Taman Cheras)	
(xi) No. 4011, 4011-1 (Taman Taynton)	
(xii) No. 4012 (Taman Salak South)	
(xiii) No. 4012-1 (Taman Salak South Timur)	
(xiv) No. 4013 (Taman Lian Hoe)	
(xv) No. 4014, 4014-1 (Taman Midah)	
(xvi) No. 4016 (Taman Lee Yan Lian & Bangsar Park)	
(xvii) No. 4017, 4017-1 (Taman Kok Lian)	
(xviii) No. 4018, 4018-1 (Taman Bunga Raya)	
(xix) No. 4019 (Susun atur bagi Kawasan Ampang Hilir)	
(xx) No. 4022 (Jalan Tun Mohd. Fuad)	
(xxi) No. 4022-1, 4022-2, 4022-5 (Taman Tun Dr. Ismail)	
(xxii) No. 4022-3, 4022-6 (Sungai Penchala di Utara)	
(xxiii) No. 4022-4 (Jalan Burhanuddin Helmi di Utara)	
(xxiv) No. 4023-1 (Bekalan Lektrik di Utara)	
(xxv) No. 4024-1 (Bukit Maluri)	
(xxvi) No. 4024-2 (Sebahagian dari Peringkat 1A dan kawasan perusahaan)	
(xxvii) No. 4025 (Bukit Bangsar)	
(xxviii) No. 4025-1, 4025-2 (Jalan Ara di Utara)	
(xxix) No. 4025-3, 4025-5 (Jalan Maarof di Utara)	
(xxx) No. 4027, 4027-1 (Taman Maluri)	
(xxxi) No. 4028 (Taman Melewar)	
(xxxii) No. 4029 (Lot 7544 di Utara Lebuhraya KL-Karak di Timur)	
(xxxiii) No. 4029 (Taman Sentul Jaya (Datuk Senu))	
(xxxiv) No. 4032, 4032-1 (Taman Yarl)	
(xxxv) No. 4034, 4034-1, 4034-2, 4034-3 (Taman Goodwood, Taman Gembira, Taman Centimental & Taman Bukit Indah)	

(1) Jenis pembangunan	(2) Caj pembangunan
(xxxvi) No. 4035, 4035-1 (Taman Rampai)	
(xxxvii) No. 4036 (Taman Eastern)	
(xxxviii) No. 4037 (Taman Batu)	
(xxxix) No. 4038 (Taman Cuepacs)	
(xl) No. 4039 (Taman Setapak Jaya)	
(xli) No. 4040 (Taman Batu View)	
(xlii) No. 4042 (Taman Wahyu)	
(xliiii) No. 4043 (Taman Beringin)	
(xliv) No. 4044-1 (Taman Nanyang)	
(xlv) No. 4045 (Taman Petaling)	
(xlvi) No. 4046 (Taman Rowther)	
(xlvii) No. 4047 (Taman Pelangi)	
(xlviii) No. 4048 (Syarikat Kerjasama Polis)	
(c) Kaedah-Kaedah (Perancangan) (Zon dan Kepadatan) Wilayah Persekutuan 1985 [P.U. (A) 501/1985]	
(d) Perintah pembangunan yang telah dikeluarkan dan berkuat kuasa berkenaan dengan tanah itu.	
2. Pembangunan yang mengakibatkan kenaikan nilai tanah disebabkan perubahan kepadatan atau nisbah plot mana-mana tanah melebihi dari kepadatan atau nisbah plot yang diperuntukkan dalam pelan tempatan yang berkuat kuasa.	50 peratus daripada amaun kenaikan nilai tanah.
3. Pembangunan yang tertakluk kepada syarat yang menghendaki diperuntukkan ruang letak kereta.	RM60,000.00 bagi satu ruang letak kereta yang tidak disediakan.

JADUAL KEDUA

BORANG A

[Kaedah 4]

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982
KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (CAJ PEMBANGUNAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2013

PERINTAH MENUNTUT PEMBAYARAN CAJ PEMBANGUNAN BAGI PEMBANGUNAN
YANG MENGAKIBATKAN KENAIKAN NILAI TANAH

No. Rujukan:

Kepada

.....

Bahawasanya Datuk Bandar telah menentukan bahawa amaun caj pembangunan yang kena dibayar berkenaan dengan cadangan pembangunan..... atas tanah Lot No..... dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah RM.....;

Maka oleh yang demikian, kamu dikehendaki membayar amaun caj pembangunan sebanyak RM..... kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam tempoh tiga bulan dari tarikh Perintah ini. Sekiranya kamu gagal membayar amaun caj pembangunan tersebut dalam tempoh yang dinyatakan, permohonan kebenaran perancangan yang berhubungan dengan cadangan pembangunan di atas disifatkan terbatal berkuat kuasa mulai habisnya tempoh tiga bulan tersebut.

Bertarikh:

.....
Datuk Bandar Kuala Lumpur

BORANG B

[Kaedah 4]

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982
KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (CAJ PEMBANGUNAN)
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2013

PERINTAH MENUNTUT PEMBAYARAN CAJ PEMBANGUNAN UNTUK RUANG LETAK
KERETA YANG TIDAK DISEDIAKAN

No. Rujukan:

Kepada

.....
.....
.....

Bahawasanya Datuk Bandar telah menentukan bahawa amaun caj pembangunan yang kena dibayar bagi jumlah..... ruang letak kereta yang tidak disediakan berkenaan dengan cadangan pembangunan..... atas tanah Lot No. dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah RM.....;

Maka oleh yang demikian, kamu dikehendaki membayar amaun caj pembangunan sebanyak RM..... kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur dalam tempoh tiga bulan dari tarikh Perintah ini. Sekiranya kamu gagal membayar amaun caj pembangunan tersebut dalam tempoh yang dinyatakan, permohonan kebenaran perancangan yang berhubungan dengan cadangan pembangunan di atas disifatkan terbatal berkuat kuasa mulai habisnya tempoh tiga bulan tersebut.

Bertarikh:

.....
Datuk Bandar Kuala Lumpur

BORANG C1
[Kaedah 5]

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982
KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (CAJ PEMBANGUNAN) WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2013

PERINTAH UBAHAN CAJ PEMBANGUNAN

No. Rujukan:

Kepada

.....
.....
.....

Bahawasanya amaun caj pembangunan berkenaan dengan pembangunan atas tanah Lot No. dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak RM..... sebagaimana yang ditentukan di bawah Perintah No. bertarikh telah kamu bayar dengan sewajarnya;

Bahawasanya pengiraan caj pembangunan tersebut itu berasaskan kenaikan nilai tanah sebanyak RM.....;

Dan bahawasanya Datuk Bandar sekarang ini berpuas hati bahawa amaun kenaikan nilai tanah ialah RM..... dan oleh yang demikian amaun caj pembangunan sepatutnya ialah RM.....;

*Maka oleh yang demikian, kamu dengan ini dikehendaki membayar perbezaan amaun caj pembangunan sebanyak RM..... dalam tempoh 1 bulan dari tarikh Perintah Ubahan ini.

*Maka oleh yang demikian, sejumlah wang sebanyak RM....., iaitu perbezaan antara amaun yang telah dibayar dan amaun yang dinyatakan dalam Perintah Ubahan ini, kena dibayar kepada kamu dan akan dipulangkan balik dalam sedikit masa lagi.

Bertarikh:

.....
Datuk Bandar Kuala Lumpur

*Potong mana yang tidak berkenaan.

BORANG C2
[Kaedah 5]

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982
KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (CAJ PEMBANGUNAN) WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2013

PERINTAH UBAHAN CAJ PEMBANGUNAN

No. Rujukan:

Kepada

.....
.....
.....

Bahawasanya amaun caj pembangunan berkenaan dengan pembangunan atas tanah Lot No. dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak RM..... sebagaimana yang ditentukan di bawah Perintah No. bertarih telah kamu bayar dengan sewajarnya:

Bahawasanya pengiraan caj pembangunan tersebut itu berasaskan petak letak kereta yang tidak disediakan berjumlah

Dan bahawasanya Datuk Bandar sekarang ini berpuas hati bahawa jumlah bilangan petak letak kereta yang tidak disediakan ialah dan amaun caj pembangunan bagi petak letak kereta yang tidak disediakan sepatutnya ialah RM.....:

*Maka oleh yang demikian, kamu dikehendaki membayar perbezaan amaun caj pembangunan sebanyak RM..... dalam tempoh 1 bulan dari tarikh Perintah Ubahan ini.

*Maka oleh yang demikian, sejumlah wang sebanyak RM....., iaitu perbezaan antara amaun yang telah dibayar dan amaun yang dinyatakan dalam Perintah Ubahan ini, kena dibayar kepada kamu dan akan dipulangkan balik dalam sedikit masa lagi.

Bertarih:

.....
Datuk Bandar Kuala Lumpur

*Potong mana yang tidak berkenaan.

BORANG D
[Subkaedah 7(2)]

AKTA (PERANCANGAN) WILAYAH PERSEKUTUAN 1982
KAEDAH-KAEDAH (PERANCANGAN) (CAJ PEMBANGUNAN) WILAYAH
PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2013

PENGECUALIAN CAJ PEMBANGUNAN

No. Rujukan:

Kepada

.....
.....
.....

Datuk Bandar dengan ini mengecualikan cadangan pembangunan
atas tanah Lot No. dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur daripada
tanggungan membayar *keseluruhan caj pembangunan sebanyak RM...../
sejumlah wang RM..... daripada keseluruhan jumlah wang bagi caj
pembangunan yang kena dibayar di bawah Perintah No. bertarikh

Bertarikh:

.....
Datuk Bandar Kuala Lumpur

*Potong mana yang tidak berkenaan.

Dibuat 26 Jun 2013
[DBKL/JHEU2/BPPP/14/86(CP) Bhg. II; PN(PU2)396/V]

DATUK SERI AHMAD PHESAL BIN TALIB
Datuk Bandar Kuala Lumpur

Diluluskan 10 Julai 2013
[KWP(S): 24/PUU/698/1/1/30; PN(PU2)396/V]

DATUK SERI TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
Menteri Wilayah Persekutuan

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR (PLANNING)
(DEVELOPMENT CHARGE) RULES 2013

ARRANGEMENT OF RULES

Rules

1. Citation and commencement
2. Development charge
3. Additional information for determination of development charges
4. Order demanding payment of development charge
5. Development charge variation order
6. Interest rate on development charge instalments
7. Exemption
8. Revocation and saving

FIRST SCHEDULE

SECOND SCHEDULE

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982

FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR (PLANNING)
(DEVELOPMENT CHARGE) RULES 2013

IN exercise of the powers conferred by subsection 40(4) and section 64 of the Federal Territory (Planning) Act 1982 [*Act 267*], the Commissioner with the approval of the Minister, makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Federal Territory of Kuala Lumpur (Planning) (Development Charge) Rules 2013**.

(2) These Rules come into operation on 1 August 2013.

Development charge

2. The development charge rate leviable under section 40 of the Act shall be as provided in the First Schedule.

Additional information for determination of development charges

3. The Commissioner may, before determining the development charge amount, require the applicant to furnish such additional information as he considers necessary.

Order demanding payment of development charge

4. An order under section 41 of the Act demanding payment of the development charge shall be—

- (a) in Form A of the Second Schedule for a development resulting in increased value of the land; and
- (b) in Form B of the Second Schedule for a development that does not provide the required number of parking spaces.

Development charge variation order

5. An order under subsection 41(3) of the Act determining a new development charge shall be in Form C1 or C2 of the Second Schedule, as the case may be.

Interest rate on development charge instalments

6. (1) The Commissioner may, if he considers appropriate, permit the development charge to be paid in instalments, subject to such conditions he considers appropriate.

(2) Where the development charge is permitted to be paid in instalments, interest at the rate of eight percent per annum on the development charge shall be payable.

Exemption

7. (1) The Commissioner may, after considering an application for exemption of development charge, exempt any development from the liability to pay the whole or any part of any development charge payable under these Rules.

(2) An exemption under subrule (1) shall be made in Form D of the Second Schedule.

Revocation and saving

8. (1) The City of Kuala Lumpur (Planning) (Development Charge) Rules 1979 [P.U. (A) 88/1980] and the notification of Interest Rate on Development Charge Instalments [P.U. (B) 455/1993] are revoked.

(2) Notwithstanding subrule (1), any development charge and interest payable under the revoked Rules and notification shall continue to be payable as if the development charge and interest had been imposed under these Rules.

FIRST SCHEDULE

[Rule 2]

DEVELOPMENT CHARGES

(1) Type of development	(2) Development charge
1. Development resulting in the increase in land value due to change of land use, change of density or plot ratio of any land from—	30 percent of the increased amount of land value.
(a) Comprehensive Development Plan	
(b) <i>Gazetted Plans</i> —	
(i) No. 4023, 4001, 4001-1 (Kepong Baru)	
(ii) No. 4002, 4002-1 (Taman Kepong)	
(iii) No. 4003, 4003-1 (Taman Ibu Kota)	
(iv) No. 4004, 4004-1 (Taman Setapak)	

(1) Type of development	(2) Development charge
(v) No. 4005 (Taman Sri Segambut)	
(vi) No. 4006 (Taman City & Perumahan PKNS)	
(vii) No. 4007 (Taman Kok Doh)	
(viii) No. 4008, 4008-1, 4008-2 (Taman Overseas Union)	
(ix) No. 4009 (Taman Mutiara)	
(x) No. 4010 (Taman Cheras)	
(xi) No. 4011, 4011-1 (Taman Taynton)	
(xii) No. 4012 (Taman Salak South)	
(xiii) No. 4012-1 (Taman Salak South Timur)	
(xiv) No. 4013 (Taman Lian Hoe)	
(xv) No. 4014, 4014-1 (Taman Midah)	
(xvi) No. 4016 (Taman Lee Yan Lian & Bangsar Park)	
(xvii) No. 4017, 4017-1 (Taman Kok Lian)	
(xviii) No. 4018, 4018-1 (Taman Bunga Raya)	
(xix) No. 4019 (Lay out for Ampang Hilir Area)	
(xx) No. 4022 (Jalan Tun Mohd. Fuad)	
(xxi) No. 4022-1, 4022-2, 4022-5 (Taman Tun Dr. Ismail)	
(xxii) No. 4022-3, 4022-6 (Sungai Penchala in the North)	
(xxiii) No. 4022-4 (Jalan Burhanuddin Helmi in the North)	
(xxiv) No. 4023-1 (Electricity Supply in the North)	
(xxv) No. 4024-1 (Bukit Maluri)	
(xxvi) No. 4024-2 (Part of Section 1A and manufacturing area)	
(xxvii) No. 4025 (Bukit Bangsar)	
(xxviii) No. 4025-1, 4025-2 (Jalan Ara in the North)	
(xxix) No. 4025-3, 4025-5 (Jalan Maarof in the North)	
(xxx) No. 4027, 4027-1 (Taman Maluri)	
(xxxi) No. 4028 (Taman Melewar)	
(xxxii) No. 4029 (Lot 7544 in the North of KL-Karak Highway in the East)	
(xxxiii) No. 4029 (Taman Sentul Jaya (Datuk Senu))	
(xxxiv) No. 4032, 4032-1 (Taman Yarl)	
(xxxv) No. 4034, 4034-1, 4034-2, 4034-3 (Taman Goodwood, Taman Gembira, Taman Centimental & Taman Bukit Indah)	

(1) Type of development	(2) Development charge
(xxxvi) No. 4035, 4035-1 (Taman Rampai)	
(xxxvii) No. 4036 (Taman Eastern)	
(xxxviii) No. 4037 (Taman Batu)	
(xxxix) No. 4038 (Taman Cuepacs)	
(xl) No. 4039 (Taman Setapak Jaya)	
(xli) No. 4040 (Taman Batu View)	
(xlii) No. 4042 (Taman Wahyu)	
(xlili) No. 4043 (Taman Beringin)	
(xliv) No. 4044-1 (Taman Nanyang)	
(xlv) No. 4045 (Taman Petaling)	
(xlvi) No. 4046 (Taman Rowther)	
(xlvii) No. 4047 (Taman Pelangi)	
(xlviii) No. 4048 (Syarikat Kerjasama Polis)	
(c) The Federal Territory (Planning) (Zoning and Density) Rules 1985 [<i>P.U. (A) 501/1985</i>]	
(d) The development order issued and having effect in respect of the land.	
2. Development resulting in the increase in land value due to change of density or plot ratio of any land exceeding the density or plot ratio as prescribed in the local plan in effect.	50 percent of the increased amount of land value.
3. Development subject to condition requiring the provision of spaces for parking.	RM60,000.00 for each parking space not provided.

SECOND SCHEDULE

FORM A

[Rule 4]

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982
 FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR (PLANNING)
 (DEVELOPMENT CHARGE) RULES 2013

ORDER DEMANDING PAYMENT OF DEVELOPMENT CHARGE FOR DEVELOPMENTS
 RESULTING IN INCREASED LAND VALUE

Reference No.:

To

.....

Whereas the Commissioner has determined that the amount of the development charge payable in respect of the proposed development on land Lot No. in the Federal Territory of Kuala Lumpur is RM.....:

Now therefore, you are required to pay the amount of the development charge of RM..... to the Commissioner of the City of Kuala Lumpur within three months of the date of this Order. In the event of your failure to pay the said amount of the development charge within the specified period, the application for planning permission relating to the above proposed development is deemed to be revoked with effect from the expiry of the said three months period.

Dated:

.....
Commissioner of the City of
Kuala Lumpur

FORM B
[Rule 4]

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982
FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR (PLANNING)
(DEVELOPMENT CHARGE) RULES 2013

ORDER DEMANDING PAYMENT OF DEVELOPMENT CHARGE
FOR NON-PROVISION OF PARKING SPACES

Reference No.:

To

.....
.....
.....

Whereas the Commissioner has determined that the amount of the development charge payable for the total of parking spaces not provided in respect of the proposed development on land Lot No. in the Federal Territory of Kuala Lumpur is RM.....:

Now therefore, you are required to pay the amount of the development charge of RM..... to the Commissioner of the City of Kuala Lumpur within three months of the date of this Order. In the event of your failure to pay the amount of the said development charge within the specified period, the application for planning permission relating to the above proposed development is deemed to be revoked with effect from the expiry of the said three months period.

Dated:

.....
Commissioner of the City of
Kuala Lumpur

FORM C1
[Rule 5]

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982
FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR (PLANNING) (DEVELOPMENT
CHARGE) RULES 2013

DEVELOPMENT CHARGE VARIATION ORDER

Reference No.:

To

.....
.....
.....

Whereas the amount of development charge in respect of the development on land Lot No. in the Federal Territory of Kuala Lumpur of RM..... as determined under Order No. dated has accordingly been paid by you:

Whereas the calculation of the said development charge was based on an increased land value of RM.....:

And whereas the Commissioner is now satisfied that the amount of increased land value is RM..... and therefore the amount of the development charge should be RM.....:

*Now therefore, you are required to pay the difference in the amount of the development charge of RM..... within 1 month of the date of this Variation Order.

*Now therefore, a sum of RM....., being the difference between the amount already paid and the amount specified in this Variation Order, is due to you and will be refunded in due course.

Dated:

.....
Commissioner of the City of
Kuala Lumpur

* Delete whichever is not applicable

FORM C2
[Rule 5]

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982
FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR (PLANNING) (DEVELOPMENT
CHARGE) RULES 2013

DEVELOPMENT CHARGE VARIATION ORDER

Reference No.:

To

.....
.....
.....

Whereas the amount of development charge in respect of the development on land Lot No. in the Federal Territory of Kuala Lumpur of RM..... as determined under Order No. dated has accordingly been paid by you:

Whereas the calculation of the said development charge was based on the non-provision of parking spaces of a total of

And whereas the Commissioner is now satisfied that the total number of parking spaces not provided isand the amount of development charge for non-provision of parking spaces should be RM.....:

*Now therefore, you are required to pay the difference in the amount of the development charge of RM..... within 1 month of the date of this Variation Order.

*Now therefore, a sum of RM....., being the difference between the amount already paid and the amount specified in this Variation Order, is due to you and will be refunded in due course.

Dated:

.....
Commissioner of the City of
Kuala Lumpur

* Delete whichever is not applicable

FORM D
[Subrule 7(2)]

FEDERAL TERRITORY (PLANNING) ACT 1982
FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR (PLANNING)(DEVELOPMENT
CHARGE) RULES 2013

DEVELOPMENT CHARGE EXEMPTION

Reference No.:

To

.....
.....
.....

The Commissioner hereby exempts the proposed development on land Lot No. in the Federal Territory of Kuala Lumpur from the liability to pay *the whole of the development charge of RM...../a sum of RM..... from the whole of the sum of the development charge payable under Order No. dated.....

Dated:

.....
Commissioner of the City of
Kuala Lumpur

* Delete whichever is not applicable

Made 26 June 2013
[DBKL/JHEU2/BPPP/14/86(CP) Bhg. II; PN(PU2)396/V]

DATUK SERI AHMAD PHESAL BIN TALIB
Commissioner of the City of Kuala Lumpur

Approved 10 July 2013
[KWP(S): 24/PUU/698/1/1/30; PN(PU2)396/V]

DATUK SERI TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR
Minister of Federal Territories